

**Anwar Hanya Mahu Berkuasa Demi Kepentingan Sendiri - Mohd Ali
Bernama
15 Februari, 2013**

MELAKA, 15 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Mohd Ali Rustam menasihati rakyat supaya menolak kepimpinan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dilihat mahu berkuasa kerana kepentingan sendiri dan bukannya untuk membantu rakyat.

Beliau berkata sifat tersebut jelas tergambar ketika Anwar memegang jawatan penting dalam kerajaan sebelum ini.

"Dahulu demonstrasi (semasa jadi pelajar) di Universiti Malaya kata nak bela rakyat Kedah tetapi bila dia jadi Menteri Kewangan, jadi Timbalan Perdana Menteri tidak pun dia bantu orang Baling.

"Dia pun tidak bantu orang Sabah masa berkuasa dulu tapi bila hilang kuasa baru kata nak bantu...itulah dia Anwar Ibrahim yang sebenarnya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis ramah mesra bersama kakitangan, pelajar dan alumni Institut Latihan Bukit Katil di sini, Jumaat.

Beliau berkata demikian bagi menyokong kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang menegaskan ketua pembangkang itu selama menjadi Timbalan Perdana Menteri tidak pernah kesiankan rakyat Sabah.

Justeru Mohd Ali berkata rakyat perlu jelas dan faham tentang sifat pemimpin pembangkang itu agar tidak mudah terpedaya dengan janji-janji kosong.

Mengenai hasrat Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mahu membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) lebih awal, beliau berkata tindakan itu menunjukkan seolah-olah Abdul Khalid berada dalam keadaan rungsing.

"Dia hendak tunjukkan bahawa dia (Abdul Khalid) ada kuasa tapi cara guna kuasa itu tidak bijak sebaliknya jelas menunjukkan dia dalam keadaan yang amat rungsing kerana sokongan rakyat Selangor terhadap pembangkang semakin merosot," katanya.

Beliau berkata pilihan raya berasingan tidak perlu diadakan bagi mengelak timbulnya suasana kelam-kabut dan pembaziran wang rakyat.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=928191>